

## Ulasan Buku/*Book Review*

*Jihad Beyond Islam*. Gabrielle Marranci. 2006. London: Berg, 184 halaman. ISBN 13-978-184520-157-9 dan harga USD32.95. Ulasan oleh Shahidatul Ashikin binti Shahrān, Najah Nadiah binti Amran & Latifah binti Abdul Majid

Jihad beyond Islam ialah karya Gabrielle Marranci, seorang professor dalam bidang antropologi keagamaan yang berasal dari Itali. Karya ini membincangkan konsep jihad dari sudut pandang orang Islam di Barat. Marranci menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian dengan meneliti respon, sikap, identiti dan peribadi responden beliau yang terdiri daripada orang Islam yang berhijrah ke negara-negara Barat (Muslim immigrants) dan orang Islam yang dilahirkan di sana (Born Muslim). Marranci telah memetik beberapa kajian dan karya sarjana Barat berkaitan konsep jihad. Kebanyakan daripada mereka memfokuskan Islam sebagai kriteria utama perbincangan dan mengabaikan pandangan serta pemahaman penganut agama Islam beridentiti unik. Identiti yang dimaksudkan oleh Marranci adalah komitmen emosi berdasarkan kepada pengalaman dan latar belakang kehidupan. Emosi merupakan elemen utama dalam kajian Marranci bagi memahami konsep jihad dalam kalangan respondennya yang terdiri daripada orang Islam yang telah menetap di benua Eropah. Keunikan utama karya ini terdapat pada setiap pengenalan di setiap bab. Ini kerana, Marranci menukilkan peristiwa dan insiden utama yang dikaitkan dengan masyarakat Islam serta reaksi masyarakat ketika kejadian berlaku contohnya peristiwa pengeboman di London pada 7 Julai 2005 (2006: 1), peristiwa 11 September 2001 (2006: 31), isu migrasi masyarakat Islam di Eropah, penubuhan masjid (2006: 53-55) dan beberapa kajian kes peristiwa yang dialami oleh responden beliau. Marranci menetapkan beberapa pemboleh ubah dalam memahami konsep jihad dalam kalangan respondennya iaitu masa, ruang, konteks sosial, tafsiran dan identiti peribadi. Karya ini mengandungi sembilan bab termasuk pendahuluan dan kesimpulan. Setiap bab membahaskan hasil pemerhatian Marranci mengenai konsep jihad dalam situasi dan pandangan responden yang berbeza. Bab pertama buku ini menerangkan tujuan kajian yang dijalankan iaitu menjelaskan konsep jihad yang difahami oleh responden lelaki dan wanita yang menetap di benua Eropah contohnya Itali, Perancis, Ireland, Ireland Utara, Scotland dan juga England (2006: 11). Umumnya, jihad dalam Islam difahami sebagai amalan yang diwarnai oleh nilai-nilai untuk membela hak-hak manusia yang ditindas oleh pemerintah atau penguasa. Namun

terdapat kekeliruan dan salah faham mengenai konsep jihad sama ada dalam kalangan orang Islam itu sendiri ataupun golongan bukan Islam. Ia telah menjadi satu istilah yang mengundang kontroversi. Ironinya, telah mencemarkan keindahan Islam sebagai agama perdamaian. Perbezaan pemahaman masyarakat mengenai konsep jihad telah dimuatkan di dalam karya ini hasil daripada pemerhatian dan temu bual yang dijalankan oleh Marranci. Dalam bab dua, Marranci membincangkan secara ringkas konsep jihad yang terdapat di dalam al-Quran, al-Sunnah dan penulisan ilmiah dalam kalangan sarjana Islam. Beliau juga menjelaskan pembahagian jihad yang diterima oleh majoriti masyarakat Islam serta memasukkan perbincangan mengenai ilmu Nasikh wa al-Mansukh yang juga mempengaruhi perubahan makna jihad. Selain itu, Marranci juga menyenaraikan keadaan tertentu yang hanya dibenarkan untuk umat Islam berperang iaitu untuk mempertahankan diri dan mempertahankan hak untuk beribadah. Seterusnya, Marranci membincangkan teori identiti dan diri beliau di dalam bab tiga. Beliau menjelaskan bahawa emosi adalah perasaan yang dirasakan dalam menentukan identiti individu. Emosi bertindak balas kepada peristiwa 'schismogenesis' yang disebabkan oleh lingkaran panik yang mana apabila individu bertindak balas, mereka cuba membetulkan identiti mereka sendiri melalui 'tindakan yang membentuk identiti.' Budaya dan alam sekitar juga mempengaruhi dan memberi kesan ke atas manusia untuk bertindak balas. Maka, disimpulkan bahawa persekitaran umum di mana masyarakat Islam hidup atau tinggal (alam sekitar) boleh mempengaruhi tahap proses schismogenetic, apabila emosi meningkatkan perasaan dan mempengaruhi tindakan, lingkaran panik dan ini akan menyebabkan berlakunya pembedahan diri (correcting self) yang disebut sebagai 'the act of identity.'

Di dalam bab empat, Marranci mendapati pengalaman harian responden beliau yang tinggal bersama masyarakat bukan Islam mempengaruhi cara berfikir dan kefahaman mereka tentang konsep jihad. Ada responden beliau mendapati persekitaran hidup di barat tidak berpihak kepada Islam. Bagi mereka, barat adalah musuh yang terus menerus menjajah Islam. Faktor persekitaran ini menjadikan

mereka memahami jihad secara berbeza sehingga membawa kepada anasir radikal. Antara faktor yang menyebabkan berlaku pandangan dan tindakan seumpama ini disebabkan oleh faktor penolakan sosial (*circle of panic*) dan rasa bersalah (*emotion of guilt*). Dalam bab lima, Marranci memperincikan peranan media membentuk idea jihad secara radikal dalam kalangan sesetengah respondennya. Pemaparan berita dan laporan secara berat sebelah telah menyebabkan penonton Islam bertindak-balas secara radikal dan negatif. Contohnya, sejak tercetusnya Perang Teluk 1988 sehingga peristiwa 11 September 2001, media Barat melaporkan Islam sebagai agama keganasan. Ini menimbulkan situasi provokasi dan mengundang kemarahan penonton Islam serta mempengaruhi emosi mereka dengan meningkatkan rasa takut, kecewa dan marah. Mereka terperangkap dalam lingkaran panik dan mula menyokong tindakan seperti serangan 11 September sebagai jihad dalam Islam. Selain itu, media juga mempengaruhi tindakan dan pandangan masyarakat bukan Islam terhadap keluarga pendatang Islam. Contohnya, selepas berlakunya serangan 11 September, masyarakat Islam menerima layanan buruk daripada masyarakat tempatan. Ada keluarga Islam yang mengalami kesukaran dalam ekonomi, anak-anak responden yang lahir di Barat juga turut dibuli. Keadaan inilah yang menimbulkan pelbagai reaksi daripada mereka. Selanjutnya, dalam bab enam pula Marranci membincangkan tentang responden Islam yang dilahirkan di Barat (*Born Muslim*). Akhbar dan majalah Barat mendakwa orang Islam yang lahir di Barat telah berpaling tadah dan melawan negara sendiri. Ada yang menganggap mereka mengalami kekeliruan identiti. Bahkan mereka dipandang sebagai musuh dan pengkhianat.

Marranci turut membincangkan peranan wanita Islam dalam jihad di dalam bab tujuh. Menurut beliau, pelaksanaan jihad adalah berbeza di antara lelaki dan wanita. Wanita mempunyai pandangan yang berbeza daripada lelaki mereka mengenai jihad. Bagi wanita yang telah berhijrah ke sana, mereka berusaha untuk mengekalkan tradisi dengan untuk menghalang berlakunya asimilasi di dalam keluarga mereka dan menolak cara kehidupan dan pergaulan masyarakat Eropah. Antara cabaran yang dialami oleh wanita Islam di Barat adalah berjihad melawan kemurungan dan kenangan di negara asalnya dan cabaran dalam mendidik anak-anak agar tidak tersasar dari landasan Islam. Mereka juga melaksanakan jihad melawan hawa nafsu seperti yang dituntut dalam Islam supaya tidak terjebak dengan gejala yang dilarang oleh Allah seperti minum arak. Wanita juga berperanan untuk mendorong kaum lelaki melakukan kebaikan dan

memastikan mereka sentiasa melakukan tuntutan agama yang telah ditetapkan dalam Islam. Di Barat, wanita Islam digambarkan sebagai manusia yang pasif, tiada objektif dalam kehidupan dan tidak berperanan aktif dalam hal-hal kemasyarakatan dan politik. Di sisi wanita ini, jihad yang mereka ceburi melangkaui banyak bidang dan peranan. Sejarah jihad kaum wanita terdahulu menjadi aspirasi agar mereka kuat dan tabah mengharungi kehidupan sebagai sebahagian masyarakat Barat terutamanya dalam mendidik keluarga dan membesarkan generasi Islam yang seimbang. Bab lapan membahaskan isu umat Islam global yang mempengaruhi pemikiran dan dakwaan bahawa Islam agama yang dikaitkan dengan keganasan. Segelintir sarjana menganggap orang Islam terlibat dengan aktiviti keganasan disebabkan mereka membenci orang Yahudi dan Israel. Kebencian tersebut, menurut mereka adalah kebencian terhadap agama Yahudi. Pendirian dan emosi kebencian tersebut membuatkan mereka mengangkat senjata melawan orang Yahudi ataupun Israel atau terlibat dengan kumpulan militan. Selain itu keadaan di Timur Tengah khususnya di Palestin menyebabkan orang Islam menganggap orang Yahudi atau penduduk Israel sebagai penjajah dan penceroboh. Dalam bab ini, Marranci menjelaskan faktor-faktor luar yang membawa kepada situasi terancam dan panik (*circles of panic*) dalam kalangan responden sehingga ada yang menganggap mereka yang berlainan agama sekalipun menetap di barat sebagai musuh. Tiada lagi rasa kepercayaan terhadap orang lain terutamanya mereka yang berlainan agama. Sekiranya mereka berbaik dengan penganut agama Yahudi, seolah mereka melupakan identiti mereka sebagai umat Islam yang turut merasai apa yang dialami oleh orang Islam yang ditindas di tempat lain. Kefahaman konsep jihad yang diketengahkan oleh Marranci dalam karya ini adalah berdasarkan persekitaran yang dialami oleh responden beliau. Terdapat perbezaan pandangan tentang apakah itu jihad yang sebenarnya dalam kalangan mereka disebabkan faktor-faktor yang mempengaruhi emosi mereka. Ada sebahagian mereka memahami jihad tidak selari dengan konsep jihad di dalam Islam seperti memahami jihad sebagai berperang semata-mata, berjuang secara radikal sehingga melibatkan diri dengan aktiviti keganasan melibatkan tindakan pengeboman dan berani mati. Identiti dan pemikiran mereka dibentuk oleh persekitaran dan media. Bagaimanapun terdapat responden yang menjalani kehidupan di Barat secara seimbang dan progresif. Mereka tidak dipengaruhi oleh lingkaran negatif seperti *circle of panic*. Mereka juga dapat berinteraksi

secara sejahtera bersama masyarakat tempatan yang bukan Islam. Suasana kehidupan di Barat tidak membuatkan mereka rasa terancam. Justeru kefahaman jihad dalam Islam di sisi mereka bebas dari unsur-unsur radikal. Karya ini diharapkan dapat memberikan maklumat mengenai pemahaman dan penilaian sarjana Barat dan orang Islam yang menetap di barat mengenai konsep jihad dalam Islam. Karya ini relevan diketengahkan sebagai bacaan akademik dan awam kerana ia membahaskan cabaran Islam kontemporari khususnya dalam menangani pengaruh radikal dan ekstremis disebabkan salah faham maksud sebenar jihad menurut perspektif Islam.

Shahidatul Ashikin binti Shahrin  
Pusat Kelestarian Turath Islami  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor, MALAYSIA  
syah.asyiqin@gmail.com

Najah Nadiyah Amran  
Pusat Kelestarian Turath Islami  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor, MALAYSIA  
najah@ukm.edu.my

Latifah Abdul Majid  
Pusat Kelestarian Turath Islami  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor, MALAYSIA